

31/07/1997

Menilai semula hak asasi manusia

KEPERLUAN asas manusia ialah makanan, pakaian dan tempat tinggal. Setiap orang berhak mendapatkannya tanpa mengira warna kulit, kedudukan, darjat, negara atau agama. Menafikan seseorang untuk mendapatkan keperluan asas itu adalah satu pencabulan dan pihak terbabit wajar dihukum seberat-beratnya. Hak manusia mendapat keperluan asas ini diakui kebanyakan masyarakat. Misalnya dalam Islam, orang miskin mempunyai hak ke atas sebahagian harta orang kaya dan itulah sebabnya diwajibkan orang berupaya mengeluarkan zakat bagi menunaikan hak itu.

Selain hak mendapatkan keperluan asas, setiap insan, masyarakat dan negara itu mempunyai hak lain yang semuanya terkandung dalam apa yang disebut hak asasi. Dalam masyarakat dunia, hak berkenaan terkandung dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat yang digubal oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1948. Jika dulu banyak pihak melihat deklarasi itu sebagai pelindung kemanusiaan sejagat, kini ada pihak mempertikaikannya. Ini kerana definisi hak asasi itu sendiri mempunyai tafsiran berbeza antara sebuah masyarakat dengan masyarakat lain apatah lagi antara negara. Ini kerana dalam sesebuah masyarakat itu, sesuatu perkara itu mungkin madu tetapi ia adalah racun bagi pihak lain. Salah satu perkara yang terkandung dalam Hak Asasi Manusia Sejagat ialah hak seseorang, masyarakat dan negara itu untuk bersuara, menyatakan pandangannya. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan pandangan Malaysia bahawa Deklarasi Hak Asasi Manusia yang digubal 49 tahun lalu itu perlu dikaji semula. Hak itu digunakan sepenuhnya oleh Malaysia yang lantang bersuara ketika menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM), Sidang Serantau Asean (ARF) dan Persidangan Selepas AMM (PMC) minggu lalu dan minggu ini.

Deklarasi Hak Asasi Sejagat jelas sekali sudah lapuk kerana ia digubal hampir setengah abad lalu ketika sebahagian besar negara merdeka di rantau Afrika, Asia dan Amerika Latin belum wujud. Sebahagian besar rantau ini masih dijajah kuasa besar yang menggubal deklarasi itu. Sudah pasti deklarasi itu berdasarkan persepsi kuasa besar berkenaan dan bukan suara hati masyarakat Dunia Ketiga dan negara membangun yang kini beransur-ansur kembali untuk mewarnai politik dunia seperti dibuktikan oleh Pergerakan Berkecuali (NAM) atau Kumpulan Negara Selatan-Selatan. Jika deklarasi itu hanya digubal oleh segelintir pihak berkuasa selepas menang dalam Perang Dunia Kedua, apakah ia boleh dianggap bersifat sejagat dan boleh dipaksakan penggunaannya ke atas seluruh masyarakat antarabangsa?

Bagi kita, keangkuhan kuasa besar seperti ditunjukkan oleh wakil Amerika Syarikat, Stuart E Eizenstat bagi pihak Setiausaha Negaranya, Madeleine Albright dan wakil Kesatuan Eropah (EU), Michiel Patijn dengan menolak mentah-mentah usul Malaysia tetapi disokong oleh negara anggota Asia lain itu, membayangkan bahawa mereka mulai takut kepada bayang-bayang sendiri. Mereka bimbang cengkaman ke atas dunia akan terlucut satu demi satu - dalam pelbagai bidang daripada politik kepada ekonomi. Perilaku kuasa besar ini jelas melalui tindakan mereka mengukuhkan 'ikatan kekitaan serantau' seperti kewujudan blok perdagangan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) dan Pasaran Tunggal Eropah. Selain itu kuasa besar ekonomi dan politik dunia berusaha mengukuhkan cengkaman ke atas dunia melalui Kumpulan Tujuh (G7) yang juga dikenali Kumpulan Lapan (G8) berikutan pembabitan Russia.

Bagi kita, tindakan dan keangkuhan kuasa besar menunjukkan mereka tidak langsung menghormati hak asasi manusia bagi mendapatkan keperluan paling

asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Kita dukacita kerana mereka menggunakan kuasa dan kekayaan untuk menindas masyarakat dan negara miskin dan tidak cukup dengan itu menuduh pihak lain tidak menghormati hak asasi manusia berdasarkan Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 yang mereka gubal sendiri. Pembabitan individu kaya mereka seperti pembiaya kewangan antarabangsa keturunan Yahudi, George Soros yang menggugat kestabilan mata wang negara Asia Tenggara ataupun jutawan Yahudi Amerika, Irving Moskowitz yang berkeras mahu membina penempatan Yahudi di Baitulmaqdis Timur, adalah bukti betapa pihak kaya dan berkuasa ini sengaja mencabul hak orang lain dan melakukan apa saja bagi menafikan hak si lemah untuk mendapatkan keperluan asas - makanan, pakaian dan tempat tinggal. Jika hak paling asasi si miskin ini dinafikan oleh si kaya dan berkuasa, apakah ertinya hak asasi yang cuba mereka paksakan itu?

(END)